

## Potensi Pengkomersilan Buluh Madu

Oleh: Nur Suraya Abdullah, Noorshilawati Abdul Aziz, Fazidah Rosli, dan Shamsudin Ismail (UiTM Pahang)

**Gigantochloa albociliata** atau nama tempatannya buluh madu merupakan tanaman yang semakin mendapat perhatian di kalangan masyarakat pada hari ini. Tanaman ini berasal dari Thailand dan mula ditanam secara komersial di negeri Perlis dan ia telah diperluaskan ke negeri lain seperti Kelantan, Terengganu, Perak, Pahang dan Johor. Sistem penanaman dan penjagaan buluh madu amat mudah kerana tanaman ini mampu hidup subur di atas tanah bermasalah dan hanya memerlukan penjagaan yang minimum serta tidak terdedah kepada ancaman serius musuh dan penyakit. Buluh madu juga dikatakan mempunyai rasa yang manis dan ia tidak miang jika dibandingkan dengan buluh biasa. Produk utama dari buluh madu ini adalah rebung dan buluhnya boleh dijadikan arang di samping penghasilan cuka yang kaya dengan pelbagai mineral.

### Arang Buluh Madu



### Cuka Buluh Madu

- ♦ terhasil sewaktu proses penghasilan arang buluh secara kondensasi.
- ♦ mampu merawat pelbagai penyakit.
- ♦ Kandungan kimianya bukan sahaja diaplikasikan dalam industri makanan malah melibatkan industri kecantikan terutamanya dalam pembuatan barangan kosmetik serta bidang pertanian bagi penghasilan pestisid organik.

### Rebung Buluh Madu

- ♦ merupakan hasil utama dari buluh madu.
- ♦ sumber makanan dalam masakan masyarakat melayu
- ♦ dituai pada umur 8 hingga 12 bulan iaitu pada ketinggian pokok antara 0.8 hingga 1 meter
- ♦ setiap rumpun buluh mampu mengeluarkan 2 kg rebung sebulan
- ♦ dijual pada harga antara RM3.00 hingga RM7.00 sekilogram
- ♦ mempunyai pelbagai kandungan vitamin, mineral dan bersifat antioksidasi

Antara usahawan buluh madu terkenal di Malaysia adalah Encik Adnan Osman yang terlibat secara langsung dengan Projek Ladang Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) bertempat di Temerloh, Pahang. Beliau adalah pengusaha buluh madu terbesar di Malaysia dengan keluasan ladang sebanyak 24 hektar dan bilangan rumpun buluh mencecah sebanyak 27,000. Pendapatan kasarnya dianggarkan sebanyak RM 600,000 setahun. Namun begitu, walaupun bilangan rumpun yang ditanam adalah banyak, namun ia masih tidak mencukupi untuk dieksport dan hasil kajian menunjukkan bahawa Malaysia telah mengimport hampir 30 hingga 50 tan rebung buluh setahun bagi memenuhi permintaan pasaran. Selain itu, peningkatan penggunaan arang berasaskan buluh juga semakin popular kerana lebih bersifat mesra alam dan tidak menjejaskan kesihatan manusia. Justeru itu, penanaman ekonomi melalui penanaman buluh madu boleh dipergiatkan memandangkan tanaman ini mempunyai potensi yang tinggi di pasaran, keperluan penjagaan yang minimum, memberikan pulangan yang tinggi dan pengeluaran hasil yang berterusan. Selain dapat memperindahkan persekitaran rumah, buluh madu dapat membantu menjana pendapatan sampingan dan bertepatan dengan seruan kerajaan iaitu memanfaatkan kawasan sekitar perumahan dengan bercucuk tanam.



Buluh madu sebagai penghias taman dan landskap



Rebung buluh madu sebelum dan selepas proses